

# Seni silat S'pura -1 JAN 1986 tarik minat Indon

PENCAK SILAT

WUJUD dan berkembangnya (seni silat) di Singapura hingga ke hari ini telah menarik perhatian para pencinta silat di Indonesia.

Mereka gembira kerana walaupun Singapura begitu sibuk dengan soal pembangunan, perkembangan seni silat tidak dilupakan.

Ini telah diberitahu oleh ketua rombongan pesilat Singapura, Haji Ismaon Haji Ali, yang menghadiri Festival Seni Pencak Silat yang ke-5 di Medan, baru-baru ini.

Beliau bersama lapan orang pesilat, seorang jurulatih dan dua orang pemerhati, berada di Paya Kumbuh, Sumatra Barat dari 19 hingga 24 Disember lepas yang dihadiri oleh kira-kira 200 orang pesilat dari berbagai daerah Indonesia dan para wakil dari perguruan silat luar negeri.

Para pesilat dari Singapura itu tidak bertanding, tetapi hanya menunjukkan persembahan silat gabungan lima perguruan — Alhak, Perwanit, Gestapes Panca Sakti, Cekak dan Sendeng Belalang — yang disusun menjadi satu untuk menghasilkan persembahan silat yang 'mewakili' Singapura.

"Mereka kagum dengan persembahan Singapura kerana kita masih dapat meneruskan aliran budaya

persilatan Melayu meskipun sibuk dengan usaha pembangunan.

"Mereka nampaknya puas hati dengan persembahan kami. Persembahan seni, jurusan dan ketangkasan pesilat kita mendapat tepukan gemuruh dari para penonton," kata Haji Ismaon.

Menurut beliau, rombongan telah ditempatkan di Wisma Koli Verra sebelum dipindahkan ke Kampong Ibhuh, tempat pertandingan itu diadakan.

"Semua pesilat ditempatkan di situ. Tujuannya ialah supaya semua pesilat dapat bermesra dengan masyarakat dan pencinta silat di samping berkenalan antara satu sama lain," kata Haji Ismaon.

## Ditingkatkan

Pembukaannya, cerita Haji Ismaon, sungguh meriah sekali, penuh dengan adat istiadat persilatan daerah itu.

Peserta dari semua negara — Sumatra Barat, Daerah Kota Istimewa Jakarta, Bandung, Jawa Barat, Jawa Tengah, negara-negara Eropah, Amerika, Brunai, Malaysia dan Singapura turut hadir di gelanggang Silih Baganti Ke V.

Ia turut dihadiri oleh pembesar negara seperti Drs Muzahar Mukhtar, wali kota Paya Kumbuh, dan ketua umum pengurus besar Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi) Jakarta,



**HAJI ISMAON**  
Ketua rombongan  
pesilat Singapura

Encik Eddie M Nalapraya.

Apa yang dapat dipelajari dari mengikuti pertandingan itu?

"Saya dapati budaya adalah ciri utama di Sumatra Barat. Mereka bersatu melalui persilatan.

"Pemerintah di sana mahukan generasi muda supaya melibatkan diri dalam dunia persilatan kerana mereka utamakan silat sebagai warisan budaya bangsa," kata Haji Ismaon.

Katanya lagi, usaha menggiatkan lebih ramai belia belajar silat semakin ditingkatkan kerana ramai orang muda terdorong mempelajari seni pertahanan diri yang lain seperti Karate dan Tae Kwan-Do.